



The **Epitome** */I'pitəmi/*

Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Kedah

*We are back!
Welcoming the epitome of artistic ideas &
astonishing writers!*

2023
Volume 1
Issue 2

COPYRIGHT PAGE

Copyright© 2023 by Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions, and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

eISSN 3009 – 0075

Published by:

UiTM Cawangan Kedah,

Pn. Razanawati Nordin, Chief Editor,

UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 08400 Merbok, Kedah

Email address: razanawati@uitm.edu.my

Contact No: 044562421

Copy Editor: Ms. NurFarisya Binti Hafiz

Graphic Designer: Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

APB KEDAH: THE EPITOME EDITORIAL BOARD

Advisor



Mr. Azlan Abdul Rahman

Chief
Editors



Dr. Nur Syazwanie
Mansor



Puan Razanawati
Nordin

Managing Editors
& Promotion



Puan Sharifah Syakila
Syed Shaharuddin

Editor &
Content Reviewers



Puan Hajjah
Sharina Saad



Puan Phaveena
Primsuwan



Puan Samsiah
Bidin



Dr. Berlian
Nur Morat



Puan Syazliiyati
Ibrahim



Ustaz Mohd
Zulkhairi Abd
Hamid



Puan Noor 'Izzati
Ahmad Shafiai



Cik Lee Chai Chuen



Mr. Mohd Hamidi
Adha Mohd Amin

Secretaries



Puan Nor Asni
Syahriza Abu
Hassan



Puan Mas Aida
Abd Rahim



Puan Rafidah
Amat



Puan Khairul Wanis
Ahmad

Technical
& Website



Mr. Mohd Hamidi
Adha Mohd Amin

Graphic
Designer



Cik NurFarisya Hafiz

Copy
Editor

SYNOPSIS

The Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah is thrilled to announce the release of the second edition of its e-magazine, The Epitome. This publication exemplifies our steady dedication to fostering creativity in language and literature.

The primary objective of THE EPITOME is to offer a platform where writers, educators, scholars, poets, and researchers can come together to exchange their ideas, discoveries, expertise, and narratives. Our special focus revolves around an array of creative writing genres, encompassing Playwriting, Short stories, Songs, Speeches, Memoirs, Literary Journalism, Humour writing, Lyric essays, Innovative essays, and Personal essays, with a goal to embrace diverse linguistic expressions, with content available in four languages: English, Bahasa Melayu, Mandarin, and Arabic.

table of contents

| | |
|--|-----------|
| DUA JIWA 76 | 59 |
| Day'z A'Koso (337168) | |
| By: Mahathir bin Ahamad Fakulti Komunikasi & Pengajian Media (MassComm), Shah Alam | |
| "The Hilarious Adventures of Jack: A Social Media Superhero" | 60 |
| By: Mohamed Hafizuddin bin Mohamed Jamrus Akademi Pengajian Bahasa, Jabatan Bahasa Inggeris | |
| Mastering a New Language with a Smile: The Role of Humorous Errors | 62 |
| By: Piermauro Catarinella Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam | |
| Monodrama Bawang Maju | 63 |
| By: Mafarhanatul Akmal Ahmad Kamal & Mohd Fadhli Shah Khaidzir Academy of Language Studies, UiTM Shah Alam, Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi | |
| HELLO DAD | 65 |
| By: Zachariah Aidin Druckman APB Kampus Shah Alam | |
| A Heartfelt Dilemma: When Ethics Collide with Financial Constraints | 67 |
| By: Hazdalila Yais Haji Razali Department of Medical Ethics and Law, Faculty of Medicine | |
| Sampah Berlonggok, Rezeki Tersorok | 69 |
| By: Nor Zaitolakma Binti Abdul Samad & Nuruladilah Binti Mohamed Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, | |
| Memori Tercipta Dengan Izin-Nya | 72 |
| By: Nur Wahida Zulkifli | |
| Epilog Masa | 73 |
| By: Razif Bin Dasiman Faculty of Health Science, UiTM Cawangan Selangor, Puncak Alam | |

Every day is learning curves...

Dear Readers,

We are back! We are thrilled to present a collection of articles that we believe capture the essence of the writers. Our team has worked diligently to curate content that we hope will both engage and resonate with you.

In these pages, you will find a diverse range of perspectives on life, from joy to sorrow. We hope these pieces inspire reflection and spark meaningful conversations.

We want to express our deepest gratitude to our talented contributors for their time and expertise. Their dedication is what makes the second issue of Epitome possible.

As always, we value your feedback. Please do not hesitate to reach out with your thoughts and suggestions.

Thank you for being a part of our Epitome community.

Warm regards,

Razanawati Nordin
Editor-in-Chief,
The Epitome

EDITOR'S NOTE

Sampah Berlonggok, Rezeki Tersorok

Nor Zaitolakma Binti Abdul Samad & Nuruladilah Binti Mohamed

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun,
norzaitolakma66@uitm.edu.my
nuruladilah@uitm.edu.my

Beberapa tahun yang lepas suamiku membuat keputusan untuk membeli sebidang tanah yang berhampiran dengan pantai. Kami kagum dengan keindahan kawasan tersebut. Kawasan pantai yang begitu indah luas terbentang dihiasi dengan warna-warna air pantai yang silih berganti, bukan sekadar biru laut malah berbagai kebiruannya. Adakala terang adakala lembut. Aku mula berminat untuk mentafsirkan warna-warna biru yang ada dengan bertanya dengan Mr. Google seperti “Royal, Navy, Azure, Maya, Baby Blue”. Belum pun habis aku hitung jenis-jenis biru yang ada di permukaan air, warna air laut bertukar keesokan harinya seolah-olah kebiruan dan kehijauan disatukan seperti “Teal, Turkish Blue, Tiffany, Electric dan Turquoise”.


Di awal pagi sebelum matahari terpacak tinggi, air laut seolah-olah berwarna kelabu yang bersinar indah di celah-celah pancaran matahari. Tentunya bukan sekadar kelabu, tetapi perak, platinum, kelabu muda, kelabu gelap, kelabu kadet dan bermacam lagi. Itu baru warna air laut, belum lagi aku ceritakan keindahan pancaran matahari terbit di waktu pagi dan pepohon ru yang gagah berdiri di samping memberi keredupan dan kedinginan kepada para pengunjung sekali gus melengkapkan keindahan suasana pantai. Masha Allah!

Aku berbangga berada di sini dan aku ingin sekali kongsi keindahan ini kepada sanak-saudara yang datang berkunjung ke premis kami. Aku sewakan tempat penginapan untuk mereka supaya mereka dapat menikmati keindahan alam semula jadi di tepi pantai dan berseronok di tempat penginapan yang dilengkapi dengan kolam renang dan sebagainya. Aku pasti tentu sekali mereka akan memuji tempat percutian yang begitu menakjubkan ini. Dengan bangga aku bertanya salah seorang dari mereka iaitu emak saudara aku.

“Macam mana? Cantikkan pantai di kawasan kampung kami ni?”

Dengan serta-merta dia menjawab “Kotor!. Banyak sampah bersepah-sepah. Banyak botol-botol minuman” “Kalau kawasan ini berdekatan dengan rumah Teh, pastinya Teh akan kutip dan menjualnya. Dia membahaskan dirinya sebagai Teh (Mak Teh).

Aku terdiam seketika. Agak terkejut dengan jawapannya. Sama sekali di luar jangkaan aku. Aku sangkakan dia akan memuji keindahan alam di persekitaran rumah aku yang berada di kawasan percutian ternama. Apa tidaknya, di sini banyak chalet, homestay yang telah tersedia ada dan juga sedang dalam pembinaan.



Mak Teh kemudiannya menyambung lagi perbicaraannya, “Teh biasanya akan simpan botol-botol plastik, bekas-bekas syampu atau sabun, tin-tin kosong, kotak-kotak, yang mana boleh jual tu setempat. Lebih kurang tiga bulan sekali Teh pergilah jual. Dapatlah lebih kurang tiga puluh, empat puluh ringgit macam tu. Duit juga! Kan rezeki tu” Katanya bersungguh. “Kalau abang Man (sepupu aku yang tinggal di bandar Klang) lagilah. Petang-petang dia akan kutip sampah-sampah tu. Banyak juga dia dapat sebulan, dalam dua ratus macam tu” sambung Mak Teh lagi. Aku membenarkan kata-katanya itu. “Ya lah kan. Daripada biar bersepeh macam tu, sakit mata memandang. Kalau dikutip, dijual, dapat duit dan kawasan pun bersih.” Kataku yang terasa malu sendirian kerana pada permulaannya aku sangka akan mendapat pujian, tetapi sebaliknya.

Benar sekali! Aku bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh emak saudara aku itu. Di sebalik sampah yang berlonggok itu terdapat rezeki yang tersorok. Sebenarnya aku juga ada menyimpan sampah-sampah yang boleh dikitar semula di rumah tetapi tidaklah dijual. Aku sedekahkan sampah-sampah tersebut kepada orang-orang yang mengutip barangan kitaran itu dari tong-tong sampah di kawasan persekitaran perumahan kami. Aku rasa terharu apabila melihat mereka memungkah tong-tong sampah untuk mencari rezeki. Bagi memudahkan mereka, aku asingkan barang kitar tersebut. Walaupun sedekahnya hanya “sampah”, aku rasa seronok dapat bertegur sapa dan berbual mesra dengan mereka. Pernah aku mendengar ceramah seorang ustaz yang menyatakan, terkadang kala sedekah yang sedikit itu ada baiknya.

Pada kebiasaannya kita tidak akan merasa riak kerana bersedekah dalam keadaan yang tidak begitu nampak dan mudah-mudahan pahalanya terpelihara. Rezeki yang nampak sedikit tetapi kekalnya hingga ke alam sana. In shaa Allah! Dengan cara sebegini, aku percaya yang mereka juga tidak rasa rendah diri apabila kita seolah-olah bersama-sama dengan mereka.

Di samping mencari rezeki dari tong sampah ke tong sampah yang lain, tanpa kita sedari, mereka juga adalah orang-orang penting yang menyumbang kepada penjagaan alam semesta secara tidak langsung.

Satu lagi kisah datangnya dari salah seorang kenalan aku yang sememangnya bekerja dengan syarikat kitar semula. Kerjanya membawa lori dan membeli barang-barang kitar semula dari orang ramai, kedai-kedai dan syarikat-syarikat. Menurut beliau, semasa anak-anaknya masih kecil lagi, mereka selalu ke tempat-tempat pelupusan sampah untuk mengutip barang-barang yang boleh dikitar semula dan menjualnya, lebih-lebih lagi di musim perayaan untuk menyambut hari raya. Katanya, jumlah kutipan mampu menampung perbelanjaan untuk membeli baju raya anak-anak dan segala persiapan yang diperlukan untuk menyambut hari lebaran. Terkadang kala, di tempat pelupusan tersebut, jika mereka bernasib baik, mereka akan terjumpa wang ringgit, barang kemas dan sesuatu yang berharga, yang mungkin secara tidak sengaja dibuang oleh pemiliknya di celah-celah timbunan sampah.

“Begitulah luasnya rezeki dari Ilahi. Alhamdulillah.” Kata kenalan aku sambil tersenyum dengan penuh kesyukuran.

Pilihan di tangan kita untuk menjadikan “Sampah Berlonggok, Rezeki Tersorok” itu positif ataupun negatif. Sekiranya sampah-sampah tersebut diurus dengan baik dan mengamalkan kitar semula pada barang-barang yang boleh dikitar, tentunya ia bersifat positif di mana rezeki yang tersorok itu dapat kita perolehi. Menambahkan pendapatan sampingan dan kawasan persekitaran pun kelihatan bersih dan cantik. Dengan itu ianya dapat menarik banyak pelancong, melonjakkan ekonomi dan memberi gambaran yang baik terhadap negara kita.

Sebaliknya, jika “Sampah Berlonggok, Rezeki Tersorok” itu bersifat negatif di mana sampah sarap bertaburan sana-sini, kita akan kehilangan rezeki yang telah sedia ada selama ini. Rezeki yang selama ini kita nikmati menjadi tersorok dan hilang tidak lagi dapat kita nikmati. Bayangkan keindahan alam yang tercemar dan para pelancong tidak lagi mahu ke sini. Persekitaran yang kotor juga mengundang pelbagai penyakit seperti denggi dan banyak lagi. Pencemaran sampah sarap yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia yang malas dan tidak bertanggungjawab ini seolah-olah tiada penghujungnya walaupun banyak sudah kempen-kempen dijalankan dan anak-anak sekolah dididik untuk tidak membuang sampah di merata tempat. Yang lebih menyakitkan hati ialah apabila ibu bapa sendiri tidak menunjukkan contoh yang baik terhadap anak-anaknya di dalam pengurusan sampah-sarap ini. Sebagai contoh, di tempat-tempat peranginan seperti tepian sungai, air terjun dan pantai; sisa lampin pakai buang anak-anak ditinggalkan begitu saja di merata tempat dan di celah-celah pokok. Ini adalah contoh yang nyata kenapa pencemaran sampah tiada penghujungnya dan sukar untuk dibendung.

Pada kebiasaannya pembuangan sisa lampin pakai buang diuruskan oleh ibu-ibu dan bapa-bapa. Sikap pemalas dan ambil mudah ibubapa ini telah menunjukkan contoh yang tidak baik dan sekaligus menggagalkan didikan di sekolah-sekolah dan kempen-kempen yang melarang anak-anak dari membuang sampah di merata tempat. Ibubapa adalah role-model kepada anak-anaknya dan tentunya mereka akan lebih cenderung untuk meniru tingkah laku ibu bapa mereka.


Dengan itu, tidak mustahil jika sikap buruk membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya ini diwarisi dari generasi ke generasi. Sikap sebegini perlu di bendung sebelum parah menjadi bara



The
Epitome
/I'pitəmi/

Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Kedah

eISSN 3009-0075



9 773009 007004